A

MOHD YUSOF MOHD ALI

lwn.

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
GHAZALI CHA H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-108-2009]
26 OKTOBER 2009

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Tahanan pencegahan - Habeas corpus - Permohonan - Tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, s. 4(1) - Sama ada tahanan pemohon sah - Sama ada perintah tahanan cacat kerana tidak mematuhi s. 3(3) (a), (b) dan (c) Ordinan - Sama ada laporan penangkapan yang disediakan*
D *di bawah s. 3(3)(c) sahaja adalah mencukupi - Sama ada perintah tahanan tidak mematuhi Artikel 151 Perlembagaan Persekutuan - Kegagalan membuktikan perlantikan dua orang Ahli Lembaga Penasihat yang bersidang dengan Pengerusi Lembaga Penasihat - Permohonan habeas corpus dibenarkan*

E Pemohon memfailkan permohonan ini untuk satu writ of *habeas corpus* dikeluarkan kepada beliau supaya beliau dibebaskan daripada tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak, Machang, Kelantan. Perintah tahanan berkenaan telah dikeluarkan oleh YB Timbalan Menteri
F Dalam Negeri Malaysia di bawah s. 4(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 ('EOrd'). Pihak pemohon telah menimbulkan dua isu berikut bagi mencabar perintah tahanan tersebut: (i) bahawa perintah tahanan itu adalah cacat kerana tidak mematuhi s. 3(3) (a), (b) dan (c) EOrd; dan (ii)
G bahawa perintah tersebut telah tidak mematuhi art. 151 Perlembagaan Persekutuan. Peguam pemohon berhujah bahawa pihak responden di dalam afidavit jawapan mereka telah tidak menjelaskan apa-apa tindakan mengenai s. 3(3)(a) dan (b) tetapi hanya menjelaskan berkenaan dengan s. 3(3)(c) sahaja dan oleh itu telah
H gagal mematuhi pra-syarat di bawah s. 3(a) dan (b). Cabaran seterusnya ialah berkenaan dengan kelayakan pegawai polis yang boleh membuat laporan kepada Timbalan Menteri. Juga dihujahkan bahawa pihak responden telah gagal membuktikan perlantikan dua orang Ahli Lembaga Penasihat yang bersidang dengan Pengerusi
I Lembaga Penasihat.

Diputuskan (membenarkan permohonan untuk writ of *habeas corpus*): A

(1) Peruntukan s. 3 EOrd, khususnya proviso (a), (b) dan (c) tidak berkaitan di antara satu sama lain memandangkan tiada perkataan "and" atau "or" di antara setiap satunya, selain itu untuk para (a) dan (b) tiada peruntukan untuk menyediakan laporan perihal tangkapan kepada Menteri untuk diteliti oleh beliau sebelum membuat perintah tahanan ke atas pemohon untuk "current detention". (perenggan 13 & 14) B

(2) Afidavit yang difailkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri mengatakan beliau menerima laporan perihal penangkapan terhadap pemohon di bawah s. 3(3)(c) EOrd tersebut daripada Pesuruhjaya Polis Datuk Mohd Bakri bin Mohd Zain. Jelas kelayakan pegawai yang membuat laporan itu adalah memenuhi pra-syarat s. 3(3)(c) EOrd. Maka ia adalah secara betulnya disediakan menurut s. 3(3)(c) EOrd. Oleh itu juga perintah yang dibuat oleh beliau di bawah s. 4 EOrd adalah tepat dan betul tiada apa-apa kecacatan yang dilakukan oleh Menteri di dalam bertindak demikian. (perenggan 14 & 15) C D E

(3) Pihak responden telah gagal untuk melepaskan beban pembuktian yang terletak di atas mereka bagi membuktikan/menjelaskan penubuhan Lembaga Penasihat khususnya mengenai dua orang ahli yang dilantik bersama-sama dengan Pengerusi Lembaga Penasihat. Tiada dalam mana-mana afidavit jawapan responden-responden pun yang menjelaskan sekurang-kurangnya nama dua Ahli Lembaga Penasihat yang bersidang dengan Pengerusinya untuk mendengar representasi dari pemohon pada hari itu. Tiada alasan diberikan mengapa penjelasan ini tidak boleh dibuat, jauh sekali ianya akan menggugat ketenteraman awam. Responden telah gagal pada dasarnya melepaskan beban yang terletak di atas bahu mereka. (perenggan 22 & 23) F G

Kes-kes yang dirujuk: H

Mohammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors [2006] 4 CLJ 687 FC ***(dirujuk)***

Mohd Ezam Mohd Noor v. Ketua Polis Negara & Other Appeals [2002] 4 CLJ 309 FC ***(dirujuk)***

Mohd Faizal Haris v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2005] 4 CLJ 613 FC ***(dirujuk)*** I

SK Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2009] 6 CLJ 705 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969, ss. 3(3)(a), (b), (c), 4(1)
Federal Constitution, art. 151(2)

Bagi pihak pemohon - Datuk Baljit Singh; T/n Shukor Baljit & Partners
Bagi pihak responden - Natasha Naza (Mohd Zain Ibrahim bersamanya); Peguam Persekutuan

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Ghazali Cha H:

[1] Pemohon memfailkan permohonan ini untuk satu writ of *habeas corpus* dikeluarkan kepada beliau supaya beliau dibebaskan daripada tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak, Machang, Kelantan (PPAMK), iaitu satu perintah bertarikh 30 Disember 2008 yang telah dikeluarkan oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia (YB Timbalan Menteri), selepas ini disebut sebagai Perintah tahanan tersebut, yang dibuat di bawah s. 4(1), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 (EOrd).

[2] Menurut YB Timbalan Menteri di dalam afidavit jawapannya (lampiran 6) di para 6 setelah berpuas hati bahawa pemohon perlu ditahan selama dua tahun di PPAMK mulai 30 Disember 2008 kerana terdapat bukti-bukti yang menunjukkan pemohon ini terlibat dalam kes-kes samun di sekitar Daerah Teluk Intan, Perak.

[3] Seksyen 4(1) EOrd menyebutkan seperti berikut:

> If the Minister is satisfied that with a view to preventing any person from acting in any manner prejudicial to public order it is necessary that that person should be detained, or that it is necessary for the suppression of violence or the prevention of crimes involving violence that that person should be detained, the Minister shall make an order directing that that person be detained for any period not exceeding 2 years.

[4] Peguam pemohon yang bijaksana telah menimbulkan dua isu bagi mencabar perintah tahanan tersebut yang mana dikatakan tidak mematuhi peruntukan undang-undang di mana pemohon ditahan begitu juga telah melanggar Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan.

[5] Di antara isu itu ialah berikut: A

(a) Perintah Tahanan itu adalah cacat kerana tidak mematuhi s. 3(3)(a), (b) dan (c) EOrd.

(b) Perintah tersebut telah tidak mematuhi art. 151 Perlembagaan Persekutuan. B

Dengan ini saya akan meneliti dan memutuskan setiap satu isu di atas.

[6] Mengenai isu pertama di atas, adalah mustahak untuk kita C rujuk kepada Peruntukan s. 3(3)(a), (b) dan (c) yang berbunyi seperti berikut:

> (3) Any person arrested and detained under this section maybe detained in police custody for a period not exceeding sixty-days without an order of detention having been made in respect of him under s. 4(1): D
>
> Provided that:
>
> (a) he shall not be detained for more than twenty-four hours except with the authority of a police officer of or above the rank of Inspector; E
>
> (b) he shall nor be detained for more than forty-eight hours except with the authority of a police officer of or above the rank of Assistant Superintendent; F
>
> (c) he shall not be detained for more than thirty days unless a police officer of or above the rank of Deputy Superintendant has reported the circumstances of the arrest and detention to the Inspector-General of Police or to a police officer designated by the Inspector-General of Police in that behalf and the Inspector-General or the police officer so designated by him, as the case maybe, shall forthwith report the same to the Minister. G

[7] Datuk Baljit Singh, peguam pemohon telah merujuk kepada kes *Mohammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2006] 4 CLJ 687 yang mana menurut beliau adalah berkaitan dan relevan dengan kes ini, kerana beliau tidak mencabar keesahan (legality) tahanan sebelum perintah dikeluarkan tetapi perintah yang dikeluarkan oleh YB Timbalan Menteri sama ada sah dan memenuhi pra-syarat yang diperuntukkan di bawah H I

s. 3(3)(a),(b) dan (c) EOrd, isunya sama ada keputusan yang terbit daripada "illegality" dalam tahanan sebelum perintah tahanan itu boleh memberi kesan kepada satu "irregularity" di dalam membuat perintah tahanan berikutnya ("current detention order").

[8] Peguam yang bijaksana berhujah bahawa pihak responden di dalam affidavit jawapan mereka telah tidak menjelaskan apa-apa tindakan mengenai s. 3(3)(a) dan (b) tetapi hanya menjelaskan berkenaan dengan s. 3(3)(c) sahaja; oleh itu menurut beliau responden telah gagal mematuhi pra-syarat di bawah s. 3(a) dan (b).

[9] Bagi menjawab hujah di atas Peguam Persekutuan bagi pihak responden-responden telah merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Mohd Faizal Haris v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2005] 4 CLJ 613 yang mana menurut beliau apa-apa yang berlaku dalam masa tahanan tidak perlu diambil kira oleh mahkamah dalam membuat satu perintah terhadap permintaan untuk satu perintah *habeas corpus*, hujah beliau lagi bahawa laporan bukanlah satu "pre-condition" di dalam membuat perintah tahanan, dan Mahkamah Tinggi adalah terikat dengan keputusan kes *Mohd Faizal Haris* di atas.

[10] Adalah tidak dinafikan bahawa mahkamah ini terikat dengan keputusan kes *Mohd Faizal Haris* di atas, akan tetapi isu yang dibangkitkan adalah berlainan, untuk itu adalah penting bagi saya untuk merujuk kepada kes *Mohamad Jailani Kasim* di atas. Saya petik sedikit isu dan keputusan di dalam kes itu seperti berikut:

> The appellant was arrested pursuant to s. 3(1) of the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985 ('Act') and the Deputy Minister of Internal Security ('Minister') issued a detention order against the appellant under s. 6(1) of the Act. The writ of *habeas corpus* filed by the appellant was dismissed by the High Court, resulting in the present appeal. In *Mohd Faizal Haris v. Timbalan Menteri dalam Negeri, Malaysia & Ors*. This court held that a writ of *habeas corpus* must be directed against the current detention order when it has been made subsequent to a prior arrest and detention. Thus, any illegality in the prior arrest and detention cannot be the subject matter of inquiry. The critical issue that arose for determination in this appeal was whether such a result would also extend to any irregularities in the making of the current detention order, or in other words, whether any statutory pre-condition to the making or leading to the making of the current detention order could not be inquired into just as in the case of irregularities in the prior arrest and detention.

> The appellant argued that there was no material evidence on record to show the qualification of the Inquiry Officer ('IO') as prescribed by the proviso to s. 5(1) of the Act and neither was there any evidence to show that the IO carried out the investigation as required of him.

Diputuskan di para 2(a) seperti berikut:

> the reliance of the DPP on *Mohd Faizal (supra)* was that the *ratio decidendi* that case did not deal with defects in the making of the current detention order but the illegality of the prior detention. Thus, it only rendered irrelevant defects in a prior detention when the current detention order was lawful. The appellant's challenge in this case was not as to the validity of the prior arrest but as to the regularity of the current detention order in the light of the defects in the procedure leading to the making of the order. The authority relied on could not, therefore, be used as a shield to hide from procedural defects in the making of the current detention order (para 9).

[11] Saya merujuk kepada affidavit jawapan oleh Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia di lampiran 6, di perenggan (4) yang berbunyi berikut:

> Saya sesungguhnya mengatakan bahawa pada 5.12.2008 saya telah menerima laporan hal penangkapan terhadap Pemohon di bawah Seksyen 3(3)(c) Ordinan tersebut dari Pesuruhjaya Polis Datuk Mohd Bakri bin Mohd Zain.

[12] Jelas perenggan ini hanya menyentuh mengenai rujukan kepada laporan perihal penangkapan terhadap pemohon di bawah s. 3(3)(c) sahaja, tetapi tiada laporan perihal tangkapan di bawah s. 3(3)(a) dan (b), kenapa ia tidak disediakan laporan untuk dipertimbangkan oleh Menteri.

[13] Meneliti secara cermat kepada peruntukan s. 3, EOrd. khususnya pada proviso (a), (b) dan (c), jelas merupakan satu perkara mandatori, kecuali dengan untuk (a) dengan perintah pegawai polis yang berpangkat Inspektor ke atas untuk tahanan yang melebihi 24 jam; (b) untuk tahanan yang melebihi 48 jam mestilah mendapat perintah dari pegawai polis yang berpangkat Assistant Superintendent Polis (ASP) ke atas dan (c) pula untuk tahanan melebihi 30 hari memerlukan satu laporan disediakan oleh pegawai polis yang berpangkat Deputy Superintendent Police (DSP) ke atas mengenai perihal tangkapan itu kepada Inspector General of Police (IGP) ataupun mana-mana pegawai polis yang ditugaskan atau

dilantik oleh IGP bagi pihaknya untuk tujuan itu, seterusnya IGP atau pegawai yang dilantik itu menyediakan laporan untuk disampaikan kepada Menteri.

[14] Walaupun ia mandatori tetapi peruntukan itu tidak berkaitan di antara satu sama lain memandangkan tiada perkataan "and" atau "or" di antara setiap satunya, selain itu untuk para (a) dan (b) tiada peruntukan untuk menyediakan laporan perihal tangkapan kepada Menteri untuk diteliti oleh beliau sebelum membuat perintah tahanan ke atas pemohon untuk "current detention".

Cabaran seterusnya ialah berkenaan dengan kelayakan pegawai polis yang boleh membuat laporan kepada Timbalan Menteri, s. 3(b), (c) mempertuntukkan Inspector-General of Police, atau mana-mana pegawai yang dilantik (designated) oleh IGP yang berpangkat tidak kurang daripada Deputy Superintendant Police (DSP) hendaklah membuat laporan kepada Menteri. Dengan ini saya merujuk kepada affidavit yang difailkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia yang mengatakan beliau menerima laporan perihal penangkapan terhadap pemohon di bawah s. 3(3)(c) EOrd tersebut daripada Pesuruhjaya Polis Datuk Mohd Bakri bin Mohd Zain. Di sini jelas kelayakan pegawai yang membuat laporan itu adalah memenuhi pra-syarat s. 3(3)(c) EOrd.

[15] Maka ia adalah secara betulnya disediakan menurut s. 3(3)(c) EOrd. Oleh itu juga perintah yang dibuat oleh beliau di bawah s. 4 EOrd adalah tepat dan betul tiada apa-apa kecacatan yang dilakukan oleh Menteri di dalam bertindak demikian.

[16] Seterusnya mengenai isu kedua peguam pemohon telah menimbulkan isu mengenai Perkara 151(2) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi berikut:

> (2) An Advisory board constituted for the purposes of this Article shall consist of a Chairman, who shall be appointed by the Yang Di Pertuan Agong and who shall be or have been, or be qualified to be, a judge of the Federal Court, the Court of Appeal or High Court, or shall before Malaysia Day have been a judge of the Supreme Court, **or two other members who shall be appointed by the Yang Di Pertuan Agong.**

[17] Isu yang ditimbulkan di sini ialah responden-responden telah gagal membuktikan perlantikan dua orang Ahli Lembaga Penasihat yang bersidang dengan Pengerusi Lembaga Penasihat. Sedangkan

beban untuk membuktikan perlantikan itu adalah terletak di atas bahu responden-responden sebagai pihak yang menentang pemohon *habeas corpus* ini bagi membuktikan dua orang ahli itu telah dilantik dengan betul dan sah oleh Yang Di Pertuan Agong.

[18] Beliau rujuk kepada kes *S.K Tangakaliswaran Krishnan v. Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Ors.* [2009] 6 CLJ 705 Mahkamah Persekutuan; di mana YA Gopal Sri Ram FCJ berkata di para 5 penghakiman mahkamah seperti berikut:

> 5. In my considered judgment the point a stake falls to be resolved with reference to the principles governing the burden of proof in an application for *habeas corpus*. It is settled law that on an application for *habeas corpus* the burden of satisfying the court that the detention is lawful lies throughout on the detaining authority. See *Chng Suan Tze v. The Minister of Home Affairs* [1989] 1 MLJ 69. In *Mohinuddin v. District Magistrate, Beed* AIR [1987] SC 1977. The Supreme Court of India observed as follows in the context of Article 22 of the Indian Constitution from which is drawn our Article 151:
>
> > It is enough for the detenu to say that he is under wrongful detention, and the burden lies on the detaining authority to satisfy the Court that the detention is not illegal or wrongful and that the petitioner is not entitled to the relief claimed. This Court on more occasions that one has dealt with the question and it is now well-settled that it is incumbent on the State to satisfy the Court that the detention of the petitioner/ detenu was legal and in conformity not only with the mandatory provisions of the Act but also strictly in accord with the constitutional safeguards embodied in Art. 22(5).
>
> 6. So too here. It is for the respondents to prove that the constitutional and statutory safeguards embodied in Article 151 and section 6(1) were strictly complied with.

[19] Hujah peguam pemohon ialah Lembaga Penasihat yang telah mendengar representasi pemohon telah tidak ditubuhkan dengan betul. Ini kerana responden-responden telah gagal mengemukakan keterangan mengenai perlantikan bagi setiap seorang ahlinya. Menurutnya lagi walaupun telah dijelaskan mengenai Pengerusi tetapi tidak kepada dua ahlinya yang lain. Melalui affidavit yang difailkan oleh responden di lampiran 12 oleh Setiausaha Lembaga Penasihat hanya merujuk kepada Pengerusi Lembaga Penasihat sahaja.

A **[20]** Menurutnya walaupun ada jawapan dibuat tetapi ia merujuk kepada peruntukan Ordinan dan Keselamatan Awam (National Security), maka responden telah gagal melepaskan beban pembuktian yang terletak di atas bahu mereka. Alasan "National Security" tidak dapat melindungi mereka kecuali mereka dapat menunjukkan satu
B keadaan yang boleh mengakibatkan "National Security" seandainya dokumen itu dikemukakan; beliau rujuk kepada kes *Mohd Ezam Mohd Noor v. Ketua Polis Negara & Other Appeals* [2002] 4 CLJ 309.

[21] Peguam Persekutuan telah merujuk kepada lampiran 12, iaitu
C affidavit jawapan oleh Yus Yulandy bin Mhd. Jaafar, Setiausaha Lembaga Penasihat, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, di perenggan 11 yang menerangkan kelayakan dan perlantikan Datin Paduka Hajah Badariah bt. Hassan sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat, seterusnya berkata berikut, Pengerusi Lembaga Penasihat dan Ahli-
D ahli Lembaga Penasihat yang bersidang untuk mendengar representasi pemohon adalah berkelayakan dan sah sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 151(2) Perlembagaan Persekutuan.

[22] Pengataan ini menunjukkan bahawa pembuktian keterangan
E secara menyeluruh yang dibuat oleh pihak responden-responden sepertimana yang didakwa oleh peguam pemohon. Selain itu tiada pengataan selanjutnya mengenai dua orang Ahli Lembaga Penasihat yang bersidang dengan Pengerusinya pada hari tersebut, walaupun secara tegasnya dicabar oleh pemohon melalui affidavit sokongan
F beliau di dalam mencabar perintah tahanan ini (perenggan 13 lampiran 2).

[23] Berdasarkan kepada kes *S.K. Tangkaliswaran* di atas, maka saya berpuas hati pihak responden telah gagal untuk melepaskan beban pembuktian yang terletak di atas mereka bagi membuktikan/
G menjelaskan penubuhan Lembaga Penasihat khususnya mengenai dua orang ahli yang dilantik bersama-sama dengan Pengerusi Lembaga Penasihat.

[24] Tiada dalam mana-mana affidavit jawapan responden-
H responden pun yang menjelaskan sekurang-kurangnya nama dua Ahli Lembaga Penasihat yang bersidang dengan Pengerusinya untuk mendengar representasi dari pemohon pada hari itu. Tiada alasan diberikan mengapa penjelasan ini tidak boleh dibuat, jauh sekali ianya akan menggugat ketenteraman awam. Ini pada pendapat saya
I adalah satu keadaan di mana responden telah gagal pada dasarnya melepaskan beban yang terletak di atas bahu mereka.

[25] Oleh itu saya berpuas hati bahawa atas alasan ini saya mendapati bahawa satu writ of *habeas corpus* hendaklah dikeluarkan kepada pemohon dan saya perintahkan pemohon hendaklah dibebaskan daripada Pusat Pemulihan Akhlak Machang, Kelantan dengan serta merta.